



## TENAGA BURUH MALAYSIA

SUKU  
TAHUN  
KEDUA  
2025

Kadar pengangguran suku tahun kedua menurun kepada **3.0 peratus**,  
dengan bilangan penganggur berkurang kepada **520.9 ribu orang**

Bilangan tenaga buruh pada suku tahun kedua 2025 meningkat sebanyak **0.8 peratus** kepada **17.37 juta orang**.



### TENAGA BURUH

#### TENAGA BURUH

ST2 2025 **17.37 juta**

ST1 2025: **17.23 juta** ▲ **0.8%**

#### KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

ST2 2025 **70.8%**

ST1 2025: **70.7%** ▲ **0.1mp**



#### TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH, MALAYSIA, ST1 2024 - ST2 2025




Jumlah penduduk bekerja meningkat sebanyak **0.9 peratus** kepada **16.85 juta orang** pada suku tahun kedua 2025.

### PENDUDUK BEKERJA



#### PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT TARAF PEKERJAAN, MALAYSIA, ST2 2025



#### PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT JANTINA, MALAYSIA, ST1 2024 - ST2 2025



ST2 2025 **16.85 juta**

ST1 2025: **16.70 juta** ▲ **0.9%**



### PENGANGGURAN



Bilangan penganggur berkurang sebanyak **1.0 peratus** kepada **520.9 ribu orang**, manakala kadar pengangguran bertambah baik kepada **3.0 peratus**.

#### PENGANGGURAN DAN KADAR PENGANGGURAN, MALAYSIA, ST1 2024 - ST2 2025



### LUAR TENAGA BURUH



Bilangan luar tenaga buruh bertambah sebanyak **0.4 peratus** kepada **7.15 juta orang** pada suku tahun kedua 2025.


#### LUAR TENAGA BURUH

ST2 2025 **7.15 juta**

ST1 2025: **7.13 juta** ▲ **0.4%**



### Penganggur dan kadar pengangguran, ST2 2021 – ST2 2025





## Kadar pengangguran suku tahun kedua berkurang kepada 3.0 peratus, dengan bilangan penganggur menurun kepada 520.9 ribu orang

- Tenaga buruh merekodkan peningkatan sebanyak **0.8 peratus** kepada **17.37 juta orang** pada **suku tahun kedua 2025** (ST1 2025: 17.23 juta orang). **KPTB** meningkat sedikit iaitu sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **70.8 peratus** berbanding **70.7 peratus** pada suku sebelumnya.
- Bilangan **penduduk bekerja** meningkat sebanyak **0.9 peratus** kepada **16.85 juta orang** (ST1 2025: 16.70 juta orang).
- Bilangan **penganggur** menunjukkan penurunan sebanyak **1.0 peratus** kepada **520.9 ribu orang** (ST1 2025: 526.3 ribu orang). Kadar pengangguran pada suku tahun kedua 2025 berkurang sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **3.0 peratus** berbanding suku tahun sebelumnya (ST1 2025: 3.1%).
- Bilangan mereka yang **bekerja kurang daripada 30 jam seminggu** mencatatkan penurunan sebanyak **0.7 peratus** kepada **241.0 ribu orang** pada suku tahun kedua 2025 (ST1 2025: 242.7 ribu orang). Selaras dengan itu, bilangan **penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan sedia untuk menerima tambahan jam bekerja atau guna tenaga tidak penuh berkaitan masa**, menurun sebanyak **4.0 peratus** kepada **141.0 ribu orang**, menyumbang kepada **kadar tenaga tidak penuh berkaitan masa** sebanyak **0.8 peratus** (ST1 2025: 146.9 ribu orang; 0.9%).
- **Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran**, yang merujuk kepada mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, meningkat sebanyak **0.1 peratus** kepada **1.96 juta orang**, dengan **35.6 peratus** kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (ST1 2025: 1.95 juta orang, 35.7%).

